



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN



☎ 605-5297444
🌐 <http://www.bomba.gov.my>
✉ bkk_prk@bomba.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JBPM/PK/BKK: 700-4/3(38)
Tarikh: 2 April 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan

PELANTIKAN PEGAWAI PENTADBIR SISTEM DAN PENETAPAN PERANAN PEGAWAI MENGIKUT PERJAWATAN YANG DISANDANG BAGI MODUL PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN, SISTEM ePREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat daripada Ibu Pejabat, no rujukan JBPM.IP.BKK.700-7/6/3(2) bertarikh 27 Mac 2014 adalah berkaitan.

2. Adalah dengan ini dimajukan surat Pelantikan Pegawai Pentadbir Sistem Dan Penetapan Peranan Pegawai Mengikut Perjawatan Yang Disandang Bagi Modul Penghapusan Bahaya Kebakaran, Sistem ePREMIS Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk perhatian pihak tuan.

3. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PgKB I RAMLI BIN SAARI, AMP.)

Penolong Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Perak.

‘CEPAT DAN MESRA’



SIRIM



ACBQM501



SIRIM



ACBABM501



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

Senarai Edaran :

1. Ketua Zon 1 Perak
2. Ketua Zon 2 Perak
3. Ketua Zon 3 Perak
4. Ketua Zon 4 Perak



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7,
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



603-8892 7600
<http://www.bomba.gov.my>
bkkjbpm@bomba.gov.my



Ruj Tuan : JBPM/IP/BKK: 700-7/6/1 Jld. 4 (4)
Ruj Kami : JBPM.IP.BKK. 700-7/6/3 (2)
Tarikh : 27 Mac 2024



SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan,

PELANTIKAN PEGAWAI PENTADBIR SISTEM DAN PENETAPAN PERANAN PEGAWAI MENGIKUT PERJAWATAN YANG DISANDANG BAGI MODUL PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN, SISTEM ePREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada Surat Arahan Penggunaan Sepenuhnya Sistem ePREMIS Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), rujukan: JBPM/IP/BKK: 700-7/6/1 Jld. 4 (4) bertarikh 14 Februari 2024 dengan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem ePREMIS JBPM dibangunkan bagi mendigitalkan pelaksanaan proses kerja yang turut menawarkan kemudahan akses kepada perkhidmatan berkaitan Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

... 3. Sehubungan dengan itu, pegawai di bawah seliaan YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan seperti **Lampiran B** adalah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir Sistem dan Penetapan Peranan Pegawai Mengikut Perjawatan yang disandang bagi Modul Penghapusan Bahaya Kebakaran Sistem ePREMIS JBPM bertanggungjawab bagi urusan Penyelarasan, Pengemaskinian, Pentadbiran Sistem, dan Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran melalui Sistem ePREMIS JBPM.

4. Peranan Pegawai yang ditetapkan bagi Modul Penghapusan Bahaya Kebakaran Sistem ePREMIS JBPM adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 7, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan Arahan Penyiasatan Kebakaran Bilangan 4 Tahun 2011 (Perwakilan Kuasa) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah termasuk menjalankan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 tahun 2014: Garis Panduan Mengenai Menghapuskan Bahaya Kebakaran.

.../2-

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

- 2 -

5. Adalah diingatkan bahawa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di bawah Akta 341, setiap Pegawai Bomba hendaklah jelas terhadap kuasa dan bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya supaya tidak timbul permasalahan dari segi perundangan terutamanya dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Seksyen 2, Akta 341 tafsiran pegawai diberi kuasa bererti mana-mana Pegawai Bomba dalam melaksanakan tugas dikehendaki diberi kuasa oleh Ketua Pengarah secara bertulis merangkumi seksyen 38, 41, 42, 43, 50, dan 59 akta yang sama berkaitan dengan kuasa untuk masuk, penyiasatan, pengurusan dan pemeriksaan saksi, tugas khas dan perbelanjaan, dan pengkompaunan kesalahan.

6. Oleh yang demikian, kerjasama YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan untuk memastikan pegawai di bawah seliaan yang tidak mempunyai Surat Pegawai Diberi Kuasa untuk membuat Permohonan Surat Pegawai Diberi Kuasa melalui Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri.

7. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran melalui Sistem ePREMIS JBPM, mohon kerjasama YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan dapat memastikan pegawai-pegawai terlibat sepertimana yang ditetapkan dalam Peranan Pegawai untuk membuat pendaftaran pegawai dalam Sistem ePREMIS JBPM melalui pautan <https://epremis.bomba.gov.my/daftar-pegawai>.

8. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan boleh merujuk manual pengguna Sistem ePREMIS JBPM melalui pautan <https://epremis.bomba.gov.my/carian-panduan-pengguna> atau berhubung dengan PgKB I Roslina binti Harun melalui talian 03 - 8892 7612 atau emel roslina@bomba.gov.my atau PgB Ku Mohamad Hanif bin Ku Pera melalui talian 03 - 8892 7704 emel hanif@bomba.gov.my.

Kerjasama dan komitmen pihak YS Dato'/YS Tuan/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.


.../3-

- 3 -

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TPJB OTHMAN BIN ABDULLAH)

Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k:

- i. YAS Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

KMH/AdminNegeri&PerananPegawaiMBKSistemePREMIS (24.10.2)

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
4. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
5. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
6. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
7. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
8. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
9. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
10. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
11. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
13. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
16. YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

LAMPIRAN B

PELANTIKAN PEGAWAI PENTADBIR SISTEM DAN PENETAPAN PERANAN PEGAWAI MENGIKUT PERJAWATAN YANG DISANDANG BAGI MODUL PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN, SISTEM ePREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

SENARAI PERANAN PEGAWAI PENTADBIR SISTEM ePREMIS

1. Pentadbir Sistem Peringkat Ibu Pejabat

Bertanggungjawab bagi urusan Pendaftaran, Pengesahan, Penyelarasan, Pengemaskinian, Pentadbiran Sistem, dan Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran melalui Sistem ePREMIS JBPM bagi seluruh Malaysia.

2. Pentadbir Sistem Peringkat Negeri

Bertanggungjawab bagi urusan Pendaftaran, Pengesahan, Penyelarasan, Pengemaskinian, Pentadbiran Sistem, dan Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran melalui Sistem ePREMIS JBPM di peringkat negeri sedang berkhidmat.

3. Pentadbir Sistem Peringkat Zon

Bertanggungjawab bagi urusan Pendaftaran, Pengesahan, Penyelarasan, Pengemaskinian, Pentadbiran Sistem, dan Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Penghapusan Bahaya Kebakaran melalui Sistem ePREMIS JBPM di peringkat zon sedang berkhidmat.

SENARAI PERANAN PEGAWAI MENGIKUT PERJAWATAN YANG DISANDANG BAGI PELAKSANAAN PROSES KERJA MODUL PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN DALAM SISTEM ePREMIS

1. Pegawai Pengesah

Bertanggungjawab mengesahkan Laporan Pemeriksaan yang dihantar oleh Pegawai Pemeriksa dan telah disemak oleh Pegawai Penilai melalui Sistem ePREMIS JBPM. Pegawai Pengesah juga boleh menjalankan tugas sebagai Pegawai Penilai dan Pegawai Pemeriksa bagi Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran yang berlainan.

2. Pegawai Penilai

Bertanggungjawab membuat semakan dan penilaian Laporan Pemeriksaan yang dihantar oleh Pegawai Pemeriksa sebelum dihantar kepada Pegawai Pengesah melalui Sistem ePREMIS JBPM. Pegawai Pengesah juga boleh menjalankan tugas sebagai Pegawai Pemeriksa bagi Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran yang berlainan.

3. Pegawai Pemeriksa

Bertanggungjawab melaksanakan segala urusan berkaitan Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran dan mengungkapkan Laporan Pemeriksaan dan dihantar kepada Pegawai Penilai dan seterusnya disahkan oleh Pegawai Pengesah melalui Sistem ePREMIS JBPM. Pegawai Pemeriksa juga bertanggungjawab menguruskan penyampaian dan mengemaskini status Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Notis MBK) sekiranya ada dan dokumen lain mengikut seksyen 61, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Nota:

Untuk maklumat lanjut setiap peranan, Pegawai boleh merujuk manual pengguna Sistem ePREMIS JBPM melalui pautan <https://epremis.bomba.gov.my/carian-panduan-pengguna>.

PELANTIKAN PEGAWAI PENTADBIR SISTEM DAN PENETAPAN PERANAN PEGAWAI MENGIKUT PERJAWATAN YANG DISANDANG BAGI MODUL PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN, SISTEM ePREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BIL.	JAWATAN / PANGKAT	PERANAN SISTEM ePREMIS	HAD KAWASAN
PEGAWAI/IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA			
1.	Timbalan Ketua Pengarah	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai	Seluruh Malaysia
2.	Pengarah Bahagian	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai	Seluruh Malaysia
3.	Ketua Cawangan Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pentadbir Sistem 2. Pegawai Pengesah 3. Pegawai Penilai 4. Pegawai Pemeriksa	Seluruh Malaysia
4.	Penguasa Bomba dan ke atas di Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pentadbir Sistem 2. Pegawai Pengesah 3. Pegawai Penilai 4. Pegawai Pemeriksa	Seluruh Malaysia

BIL.	JAWATAN / PANGKAT	PERANAN SISTEM ePREMIS	HAD KAWASAN
5.	Penguasa Bomba dan ke atas di Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai 3. Pegawai Pemeriksa	Seluruh Malaysia
PEGAWAI IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI			
6.	Pengarah Negeri	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai 3. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan
7.	Timbalan Pengarah Negeri	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai 3. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan
8.	Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pentadbir Sistem 2. Pegawai Pengesah 3. Pegawai Penilai 4. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan

BIL.	JAWATAN / PANGKAT	PERANAN SISTEM ePREMIS	HAD KAWASAN
9.	Ketua Cawangan Cawangan Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pentadbir Sistem 2. Pegawai Pengesah 3. Pegawai Penilai 4. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan
10.	Penguasa Bomba dan ke atas di Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai 3. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan
11.	Penolong Penguasa Bomba dan ke atas di Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pegawai Penilai 2. Pegawai Pemeriksa	Negeri berkenaan
PEGAWAI ZON JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA			
12.	Ketua Zon	1. Pentadbir Sistem 2. Pegawai Pengesah 3. Pegawai Penilai 4. Pegawai Pemeriksa	Zon berkenaan
13.	Penolong Kanan Penguasa Bomba dan ke atas di Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pegawai Pengesah 2. Pegawai Penilai 3. Pegawai Pemeriksa	Zon berkenaan

BIL.	JAWATAN / PANGKAT	PERANAN SISTEM ePREMIS	HAD KAWASAN
14.	Penolong Penguasa Bomba dan ke atas di Bahagian Keselamatan Kebakaran	1. Pegawai Penilai 2. Pegawai Pemeriksaan	Zon berkenaan
PEGAWAI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT			
15.	Ketua Balai	1. Pegawai Penilai 2. Pegawai Pemeriksaan	Balai berkenaan
16.	Pegawai Bomba Kanan II dan ke atas di Balai Bomba dan Penyelamat	1. Pegawai Pemeriksaan	Balai berkenaan